

Sokong Palestin tidak jejas ekonomi

Dari muka 1

Anwar berkata demikian semasa mengadakan lawatan ke Mimos Berhad di sini semalam.

Disebabkan itu, katanya, Malaysia perlu terus lantang menyuarakan perjuangan terhadap nasib rakyat Palestin yang terperangkap dalam konflik itu.

"Tidak ada soal lagi bila kita suarakan dengan lantang pembelaan nasib rakyat Palestin yang tertindas, bayi yang terbunuh, wanita jadi korban dan tiba-tiba ada pihak yang bertanya kenapa kita suarakan.

"Betul, banyak masjid musnah, tapi gereja juga musnah. Ini bukan masalah orang Islam atau Kristian, ini masalah manusia.

"Kita sebagai rakyat Malaysia harus menyuarakan hal se-

demikian," katanya.

Sementara itu, di Dewan Rakyat, Anwar berkata, negara-negara lain tiada kapasiti untuk menentukan pendirian Malaysia walaupun wujud kebimbangan bahawa sikap tegas Malaysia di hadapan AS dan negara-negara Eropah akan menjejaskan ekonomi negara.

Menurut beliau, kerajaan kini sedang memberi tumpuan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk menjalin hubungan dan mempertahankan inklusiviti, kemampanan serta daya tahan di peringkat Asia Pasifik.

"Tentunya sebagai orang yang bertanggungjawab dalam negara dan pertumbuhan ekonomi, kita juga mengambil kira dan prihatin mengenai per-

masalah ini.

"Namun, setakat ini saya memberi jaminan bahawa kerajaan bertemu beberapa pelabur utama dan keutamaan masih diberi berdasarkan kestabilan politik dan dasar ekonomi bebas serta kaedah mempercepat proses kelulusan (pelaburan) yang dikendalikan MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia)," kata Anwar pada sesi pertanyaan-pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat semalam.

Anwar menjawab soalan Aminolhuda Hassan (PH-Sri Gading) mengenai hasil mesyuarat dan jumlah pelaburan ke dalam negara sepanjang lawatan ke Persidangan APEC di AS, baru-baru ini.

Anwar berkata, Malaysia me-

manfaatkan sepenuhnya setiap ruang dan peluang di persidangan tersebut untuk menjelaskan komitmen Malaysia ketika pertemuan dengan pelabur asing sehingga membawa hasil pelaburan langsung asing berjumlah RM63.02 bilion.

Selain pertemuan dua hala dengan negara lain, beliau menggunakan ruang di APEC untuk mengadakan pertemuan dengan beberapa syarikat antarabangsa termasuk Google Inc., Microsoft Inc., TikTok dan TPG.

Katanya, pelabur utama AS termasuk Google Inc. dan Microsoft Inc. masih memberi keutamaan kepada kestabilan politik dan dasar ekonomi kerajaan yang jelas, di sebalik tekanan berterusan Malaysia dan negara Islam lain terhadap Israel.